



MEMO

No. Rujukan : KSB/SISTEMAKSES/SEC/25/03-19
Tarikh : 6 Mac 2025
Kepada : Semua Penyewa KSB
Daripada : Pengurus Keselamatan, PBKSB

PENGUNAAN PAS KESELAMATAN (KAD PEKERJA) DAN SISTEM AKSES YANG BARU

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Bermula pada 15 Mac 2025, pihak PBKSB akan menaiktaraf Pas Keselamatan (Kad Pekerja) dan Sistem Akses yang baru ke kawasan *bonded*.

Sebagaimana sedia maklum, kawasan *bonded Kemaman Supply Base (KSB)* telah diwartakan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan dan Sasaran Penting Keutamaan no.1 negeri Terengganu oleh Jabatan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Oleh demikian, beberapa penambahbaikan akan dilaksanakan pada Pas Keselamatan dan pemasangan Sistem Akses yang baru akan dilakukan di semua pintu masuk kawasan *bonded*.

Kadar bayaran tahunan Pas Keselamatan ialah sebanyak RM20.00 sekeping. Pas Keselamatan ini merupakan kad pintar tanpa sentuh yang menggunakan teknologi pengecaman frekuensi radio (RFID) dan akan berinteraksi dengan peranti yang akan dipasang di palang pagar di pintu masuk kawasan *bonded*.

Pass Keselamatan ini juga mempunyai jangka hayat perkhidmatan yang lama, julat aplikasi yang luas dan ciri keselamatan yang baik dan terjamin.

Satu perjumpaan bersama semua penyewa akan diadakan bagi memberi taklimat mengenai Pas Keselamatan dan Sistem Akses yang baru ini. Butiran adalah seperti berikut:

Tarikh : 10 Mac 2025 (Isnin)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Dewan Serbaguna, EPIC Berhad.

Nota: Seorang Wakil untuk Satu Syarikat.

Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan / puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

"KOMITED, SELAMAT, BERINTEGRITI"

Yang benar,

(MOHD AZRIL ALIFF BIN JUSOH)
Pengurus Keselamatan,
Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd.

